



16 OCT, 2024

Porsche langgar syarat duti kastam kena sita

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Porsche langgar syarat duti kastam kena sita

KANGAR – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyita tiga kenderaan termasuk sebuah kereta mewah jenis Porsche 982 Cayman GT4 RS yang dianggarkan bernilai RM1 juta dalam tiga operasi berasingan di negeri ini baru-baru ini.

Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, tiga kenderaan tersebut disita kerana melanggar syarat pengecualian duti kastam di bawah Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.

“Operasi pertama dilakukan pada pukul 1 tengah hari, 26 September lalu apabila penguat kuasa memeriksa kereta jenis Mazda 2.0 Sedan Skyactiv bernombor pendaftaran pulau bebas cukai itu di Pejabat Kastam Kuala Perlis.

“Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan tersebut telah berada di Kawasan Utama Kastam (KUK) melebihi 90 hari tanpa kebenaran pegawai kanan kastam.

“Kenderaan itu dianggar-

kan bernilai RM50,000 dengan cukai yang terlibat berjumlah RM78,500,” katanya di sini semalam.

Dalam operasi kedua yang dilakukan pada pukul 3 petang hari sama, JKDM telah menyita sebuah Toyota Camry bernilai RM55,000 selepas didapati melanggar syarat pengecualian duti kastam.

“Toyota Camry itu turut disyaki telah berada di KUK melebihi 90 hari tanpa kebenaran pihak berkuasa melibatkan cukai sebanyak RM86,570,” jelasnya.

Menurut Ismail, dalam operasi ketiga pada pukul 6.20 petang, 1 Oktober lalu, JKDM turut menyita sebuah kereta mewah jenis Porsche 982 Cayman GT4 RS.

Katanya, kenderaan tersebut dianggarkan bernilai RM1 juta dan melibatkan cukai sebanyak RM1,931,500.

Kesemua kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



ISMAIL menunjukkan Porsche 982 Cayman GT4 RS yang disita kastam di Kompleks JKDM negeri, Kangar semalam.



16 OCT, 2024

Porsche langgar syarat duti kastam kena sita

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KANGAR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyita tiga kenderaan termasuk sebuah kereta mewah jenis Porsche 982 Cayman GT4 RS yang dianggarkan bernilai RM1 juta dalam tiga operasi berasingan di negeri ini baru-baru ini. Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, tiga kenderaan tersebut disita kerana melanggar syarat pengecualian duti kastam di bawah Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 2017.